

DATO' KELANA SENDENG (? –1872), Penghulu (bertaraf Dato' Undang) Sungai Ujong Ke-11 dan yang kelima memakai gelaran Dato' Kelana. Dia adalah daripada Perut Hulu daripada dua pecahan waris di darat yang berhak memegang jawatan sebagai Dato' Kelana. Dia ditabalkan pada tahun 1850 untuk menggantikan Dato'

Kelana Kawal (m. 1849). Dia memerintah luak Sungai Ujong selama 22 tahun (1850–1872).

Semasa pemerintahannya, Sungai Ujong mengalami pergolakan kuasa sehingga membawa campur tangan British dalam pentadbiran tempatan. Pada waktu itu, Sungai Ujong merupakan kawasan perlombongan bijih timah yang penting yang membekalkan timah kepada Negeri-Negeri Selat yang berada di bawah pentadbiran British. Beberapa orang pembesar negeri telah mengambil kesempatan terhadap perlombongan timah bagi menguatkan kedudukan masing-masing melalui pungutan cukai hasil timah yang dibawa keluar melalui Simpang dan Sungai Linggi. Empat orang pembesar yang terlibat ialah Lebai Kulop (waris bandar), Dato' Kanda, Syed Ahmad dan Dato' Haji Muhammad Salleh, masing-masing membina sekatan pungutan cukai dan kubu di Simpang, Pengkalan Kempas, Bukit Tinggi dan Sungai Serban. Keadaan ini menyebabkan pedagang timah meminta kerjasama British mencadangkan kadar cukai timah ditetapkan sebanyak 10 peratus dan barang dagangan lain dikecualikan daripada cukai. Cadangan ini ditolak oleh pembesar tersebut dan Dato' Kelana Sendeng tidak dapat menguatkuasakan peraturan tersebut disebabkan pembesar berkenaan mendapat sokongan daripada Undang Rembau.

Atas perantaraan British, pada tahun 1855, Dato' Kelana Sendeng, Dato' Undang Rembau dan beberapa orang buapak daripada suku-suku di Rembau mencapai persetujuan untuk memelihara keamanan di Sungai Linggi. Datuk Muda Linggi diberi mandat untuk memastikan tidak ada lagi kegiatan memungut cukai di sepanjang Sungai Linggi hingga ke hilir Permatang Pasir. Dato' Kelana Sendeng dan Dato' Muda Linggi gagal memusnahkan sekatan cukai di Simpang dan Sungai Linggi, lalu Dato' Kelana Sendeng meminta bantuan dan berjaya mengusir Lebai Kulop dari Simpang Tiga pada bulan Ogos 1855. Menurut sumber lain, Lebai Kulop diletakkan oleh pihak Rembau untuk memungut cukai kerana tidak puas hati dengan tindakan Dato' Kelana Sendeng yang menafikan hak pungutan cukai kepada Rembau dari Sungai Ujong ke Melaka.

Pada tahun 1865, Dato' Kelana Sendeng memutuskan untuk memungut cukai yang tetap di Linggi. Tindakan ini menimbulkan kemarahan Rembau kerana mengikut tradisi, "Linggi adalah beribu ke Rembau dan berpapa ke Sungai Ujong". Untuk mengelak daripada berlakunya perbalahan yang berpanjangan, Dato' Kelana Sendeng menawarkan Rembau sebahagian daripada pungutan cukai tetapi Rembau menolak tawaran ini. Apabila Dato' Undang Rembau meninggal dunia, keadaan menjadi tegang apabila penggantinya, Dato' Sahil (1872), mengambil sikap yang lebih tegas. Dia telah membina sekatan lebih jauh ke hulu dari Simpang, tempat Lebai Kulop dikalahkan oleh Dato' Kelana Sendeng.

Dalam pada itu, berlaku pergolakan antara Raja Mahadi dengan Tengku Kudin yang masing-masing menuntut hak ke atas pemerintahan negeri Selangor. Tengku Kudin mengikat perjanjian dengan Rembau dan berjanji untuk membantu Rembau menguasai Simpang dari Sungai Ujong. Pada bulan Julai 1872, pihak Sungai Ujong

membantu Raja Mahadi menggunakan Sungai Linggi untuk masuk ke Kelang. Tindakan ini ditafsirkan oleh Tengku Kudin sebagai sokongan Sungai Ujong ke atas musuhnya. Tengku Kudin lantas menduduki Simpang pada akhir tahun 1872. Dato' Kelana Sendeng dan Dato' Muda Linggi berjaya menghalau Tengku Kudin dengan bantuan British. British yang mempunyai kepentingan mendesak Dato' Kelana Sendeng menguatkan kedudukannya di Sungai Linggi. Kelemahan kedudukan Dato' Kelana Sendeng ini menyebabkan British bertindak mengambil alih urusan pungutan cukai di Sungai Linggi dengan menempatkan seorang penolong residen di Linggi untuk urusan pungutan cukai dan keamanan daerah.

Pada 15 September 1872, Dato' Kelana Sendeng yang diwakili oleh Syed Abdul Rahman @ Syed Aman, Dato' Kelana Kedua, mengutus surat kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat menuntut hak ke atas Simpang. Rembau yang turut mempunyai kepentingan ke atas Simpang, memajukan tuntutan yang sama kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat. Keadaan ini memberi peluang kepada British memperkuatkan pengaruhnya di daerah-daerah yang bermusuhan di Negeri Sembilan.

Setelah Dato' Kelana Sendeng meninggal dunia pada tahun 1872, dia digantikan oleh cucunya, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman.